



Adib: PM mahu kebebasan akhbar dikekalkan

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengengusikan perjumpaan Ketua-ketua Bahagian dan Pegawai Penerangan Umno di ibu negara semalam untuk menjelaskan pindaan-pindaan Perlembagaan yang mendapat perkenan Timbalan Yang di Pertuan Agong dan perubahan-perubahan yang dicadangkan untuk dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam (kanan), Pengerusi Tetap Umno, Datuk Sulaiman Ninam Shah dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Haji Mustaffa Jabar (kiri).

Di akhir perjumpaan itu, Umno dan Barisan Nasional meluluskan satu resolusi menyokong langkah kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan.—
Gambar Berita Harian oleh Khalid Redza.

KUALA LUMPUR, Ahad—Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kebebasan akhbar yang ada sekarang dikekalkan, walaupun ada unsur-unsur "kewartawanan subversif" di kalangan akhbar tertentu.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam berkata, Perdana Menteri menegaskan demikian dalam majlis perjumpaan dengan Ketua-Ketua Bahagian dan Pegawai Penerangan Umno di sini, hari ini.

Bellau berkata, beberapa ahli Umno telah membangkitkan isu ada akhbar tertentu tempatan dan majalah luar negeri yang masih menimbulkan isu pindaan Perlembagaan walaupun ia telah diselesaikan.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir menjabar bahawa bellau tidak akan mengambil tindakan

terhadap akhbar yang berbuat demikian.

"Bellau mahu kebebasan akhbar dikekalkan tetapi hendaklah digunakan dengan bertanggungjawab," kata Datuk Seri Mohd Adib.

Ketika ditanya oleh pemberita di majlis taklimat mengenai pindaan Perlembagaan di bangunan Parlimen hari ini, Datuk Seri Mohd Adib berkata, bellau sendiri berpendapat bahawa satu Majlis Akhbar perlu ditubuhkan oleh akhbar-akhbar untuk mengawal laporan dan wartawan-wartawannya.

Pakatan

Menurutnya, unsur-unsur kewartawanan subversif itu dapat dihalau melalui pakatan antara akhbar dan kumpulan tertentu untuk menggulingkan Perdana Menteri dengan menggunakan isu pindaan Perlembagaan.

Datuk Seri Mohd Adib mensifatkan beberapa

rencana akhbar sebagai ditulis oleh suara-suara golongan anti-Mahathir.

"Mereka (rencana-rencana itu) bertujuan memanjangkan isu itu untuk meletakkan Datuk Seri Dr Mahathir dalam keadaan serba salah," katanya dengan menambah bahawa kumpulan itu ada di dalam dan luar Umno.

Mengulas kenyataannya di Pulau Pinang semalam, bellau mengulang bahawa akhbar-akhbar yang terus memainkan isu Perlembagaan itu adalah tidak bertanggungjawab.

Bellau berkata, kebebasan akhbar tidak harus disalahgunakan dan hendaklah digunakan dengan bertanggungjawab.

Dalam kenyataannya, Datuk Seri Adib membidas akhbar yang menyuarakan rencana-rencana mengenai pindaan Perlembagaan itu walaupun kerajaan telah berjaya mengatasinya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia